

SH 19/9/2019
M/S 33

APMM tahan bot penumpang

GEORGETOWN

- Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang menahan sebuah bot penumpang selepas didapati melanggar syarat sah lesen dan membawa lebih penumpang di kedudukan 0.5 batu nautika dari barat laut Pulau Jerejak dekat sini kelmarin.

Pengarah APMM Pulau Pinang, Kepten Hamizan Harun berkata, pihaknya menahan sebuah bot yang membawa 21 penumpang dari Jeti Pulau Jerejak menghala ke Jeti Jerejak Resort pada jam 7.30 malam.

Katanya, pihaknya turut menahan seorang penumpang lelaki warga Indonesia di dalam bot itu kerana tiada dokumen perjalanan diri yang sah.

- *Bernama*